



# **TATACARA PEMILIHAN PROFESOR SEBAGAI AHLI SENAT USM**

**2020**

**DIKELUARKAN OLEH:-**

**URUS SETIA  
PEMILIHAN PROFESOR SEBAGAI AHLI SENAT**

**16 JULAI 2020**

## ISI KANDUNGAN

<b>BAHAGIAN 1 : KUASA PERLEMBAGAAN USM DAN BIDANG KUASA NAIB CANSOLOR ..3</b>	
1. Seksyen 24 (Perlembagaan USM).....	3
2. Kuasa-Kuasa Naib Canselor.....	3
3. Jawatankuasa Pemilihan (JKP).....	4
4. Jawatankuasa Kerja (JKK).....	5
5. Jawatankuasa Keutuhan Pengiraan e-Undi.....	5
6. Kelompok Pemilihan.....	6
7. Undang-Undang dan Peraturan Pemilihan.....	6
8. Tafsiran .....	6
9. Daftar Pemilih.....	7
10. Susunan Nama .....	7
11. Kelayakan Pemilih.....	7
<b>BAHAGIAN 2 : NOTIS MENGENAI PEMILIHAN .....8</b>	
12. Notis .....	8
<b>BAHAGIAN 3 : JUMLAH PERWAKILAN.....9</b>	
13. Jumlah Perwakilan Yang Akan Dipertandingkan.....	9
<b>BAHAGIAN 4 : PENCALONAN .....11</b>	
14. Calon.....	11
<b>BAHAGIAN 5 : KAEDAH PEMBERITAHUAN BAKAL CALON.....11</b>	
15. Kaedah Pemberitahuan Calon .....	11
<b>BAHAGIAN 6 : PENGUNDIAN.....12</b>	
16. Cara Mengundi .....	12
17. Kaedah Mengundi .....	12
18. Penutupan Pemilihan.....	12
<b>BAHAGIAN 7 : PROSES DAN KAEDAH MENGIRA UNDI.....13</b>	
19. Pengiraan Undi.....	13
20. Keputusan Pengiraan .....	13
21. Mengumumkan Keputusan Pemilihan .....	13
22. Am .....	13

## PEMILIHAN PROFESOR SEBAGAI AHLI SENAT USM

### BAHAGIAN 1: KUASA PERLEMBAGAAN USM DAN BIDANG KUASA NAIB CANCELOR

#### 1. Seksyen 24 (Perlembagaan USM)

1.1. Mengikut seksyen 24(1) Perlembagaan Universiti Sains Malaysia (P.U.(A) 2011) Senat hendaklah terdiri daripada:

- (a) Naib Canselor yang hendaklah menjadi Pengerusi;
- (b) semua Timbalan Naib Canselor;
- (c) semua Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian dan semua ketua Kampus Cawangan, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi Universiti;
- (d) profesor sepenuh masa yang jumlahnya hendaklah bersamaan dengan jumlah Dekan dan ketua di bawah perenggan (c), dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti mengikut subseksyen (12); dan
- (e) tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah dilantik oleh Naib Canselor selama tiga tahun.

#### 2. Kuasa-Kuasa Naib Canselor

2.1. Seksyen 24(12) Perlembagaan USM memperuntukkan:

Bagi maksud pemilihan ke Senat di bawah perenggan 24(1)(d), Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa:

- (a) Mewujudkan kelompok akademik; menetapkan mana-mana Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi kepada kelompok tertentu; dan
- (b) Memperuntukkan jumlah kerusi Senat yang dipegang oleh setiap kelompok.

2.2. Membentuk urus setia pemilihan seperti:

- 2.2.1 Jawatankuasa Pemilihan (JKP)
  - satu badan untuk mengubal dasar dan prosedur pemilihan.
- 2.2.2 Jawatankuasa Kerja (JKK)
  - satu badan untuk melaksanakan proses pemilihan
- 2.2.3 Jawatankuasa Keutuhan Pengiraan e-Undi
  - satu badan yang memantau proses pengiraan.
- 2.2.4 Jawatankuasa lain yang difikirkan perlu oleh Jawatankuasa Pemilihan dalam urusan berkenaan.

2.3. Menentukan dasar dan tatacara pemilihan.

### 3. Jawatankuasa Pemilihan (JKP)

- 3.1. JKP bertanggungjawab membentuk tatacara dan peraturan pemilihan.
- 3.2. JKP akan dianggotai oleh seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan ahli-ahli yang dilantik oleh Naib Canselor.
- 3.3. Ahli-ahli terdiri daripada:
  - i. Pendaftar sebagai Pengerusi;
  - ii. Ketua Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Akademik sebagai Timbalan Pengerusi;
  - iii. Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik sebagai Setiausaha;
  - iv. Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia;
  - v. Penasihat Undang-Undang, Pejabat Perundangan;
  - vi. Pengarah, Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi
  - vii. Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni;
  - viii. Timbalan Pendaftar Kanan, Kampus Kesihatan dan
  - ix. Ketua Penolong Pendaftar, Kampus Kejuruteraan
  - x. Ahli-ahli lain yang dilantik oleh Naib Canselor mengikut keperluan.
- 3.4. JKP juga bertanggungjawab terhadap semua perjalanan pemilihan.
- 3.5. JKP boleh mencadangkan kepada Naib Canselor untuk membatalkan pemilihan atau menangguhkan pemilihan sekiranya terdapat kes yang melanggar peraturan pemilihan.
- 3.6. Mesyuarat JKP perlu diadakan sekurang-kurangnya sekali pada setiap sesi pemilihan.
- 3.7. Korum keahlian ialah 1/3 keahlian.
- 3.8. Mesyuarat JKP hendaklah dipanggil oleh Pengerusi atau Setiausaha JKP.

#### 4. Jawatankuasa Kerja (JKK)

- 4.1. JKP akan membentuk JKK bagi menjalankan segala urusan pelaksanaan yang berkaitan dengan pemilihan.
- 4.2. Jawatankuasa Kerja mengandungi seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Setiausaha dan ahli-ahli yang dilantik oleh Pengerusi JKP.
- 4.3. Ahli-ahli terdiri daripada:
  - i. Ketua Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Akademik sebagai Pengerusi;
  - ii. Timbalan Pendaftar Kanan, Bahagian Sumber Manusia sebagai Timbalan Pengerusi;
  - iii. Timbalan Pendaftar, Bahagian Pengurusan Akademik sebagai Setiausaha;
  - iv. Penasihat Undang-undang, Pejabat Perundangan atau wakilnya
  - v. Timbalan Pegawai Teknologi Maklumat, Jabatan Pendaftar
  - vi. Ketua Penolong Pendaftar, Kampus Kejuruteraan;
  - vii. Timbalan Pendaftar, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju;
  - viii. Perangkawan, Bahagian Sumber Manusia
  - ix. Timbalan Pendaftar Kanan, Kampus Kesihatan dan
  - x. Ahli-ahli lain yang dilantik oleh Pendaftar mengikut keperluan.
- 4.4. Pengerusi dan Setiausaha JKK akan bertanggungjawab menentukan tempat, kakitangan pemilihan, segala dokumentasi pemilihan yang diperlukan dan segala peralatan yang berkaitan dengan pelaksanaan pemilihan.
- 4.5. Pengerusi dan Setiausaha JKK mempunyai kuasa di dalam mengeluarkan arahan-arahan, pemberitahuan dan apa-apa prosedur yang berkait dengan perjalanan pemilihan.

#### 5. Jawatankuasa Keutuhan Pengiraan e-Undi

- 5.1. Jawatankuasa ini adalah satu badan yang memantau proses pengiraan undi.
- 5.2. Jawatankuasa ini dianggotai oleh seorang Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan ahli-ahli yang dilantik oleh Naib Canselor.
- 5.3. Ahli-ahli terdiri daripada:
  - i. Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni sebagai Pengerusi;  
Dalam masa ketidakhadiran Timbalan Naib Canselor, Hal Ehwal Pembangunan Pelajar dan Alumni), Timbalan Naib Canselor (Kelestarian dan Pembangunan Institusi) akan dilantik sebagai Pengerusi Ganti / Bersama;
  - ii. Pengarah, Pusat Kualiti Akademik Universiti sebagai Timbalan Pengerusi
  - iii. Presiden, Persatuan kakitangan Akademik dan Pentadbiran

- iv. Ketua Audit Dalam
  - v. Penolong Pendaftar Kanan, Bahagian Pengurusan Akademik sebagai Setiausaha;
  - vi. Ahli-ahli lain yang dilantik oleh Naib Canselor mengikut keperluan.
- 5.4. Jawatankuasa ini bertanggungjawab kepada Naib Canselor untuk:
- i. Mengesahkan pengiraan e-Undi Senat adalah telus, sah dan boleh dipercayai dan
  - ii. Memastikan pengiraan e-Undi Senat berfungsi dengan baik semasa proses pengiraan undi.

## 6. Kelompok Pemilihan

- 6.1. Seksyen 24(12) Perlembagaan Universiti memperuntukkan bahawa Naib Canselor boleh dari semasa ke semasa mewujudkan kelompok akademik; menetapkan mana-mana Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi kepada kelompok tertentu.
- 6.2. Seksyen 24(12) juga telah memberi Naib Canselor kuasa untuk menentukan jumlah kerusi untuk pemilihan Senat.
- 6.3. JKK diberi kuasa untuk menjalankan pemilihan seperti di Perkara 5.1 dan 5.2.

## 7. Undang-Undang dan Peraturan Pemilihan

- 7.1. Undang-undang dan peraturan pemilihan yang diguna pakai bagi tujuan pemilihan ini adalah seperti yang diluluskan oleh Naib Canselor.
- 7.2. Hak merujuk dan memakai peraturan ini adalah hak mutlak dan budi bicara Naib Canselor dan segala keputusan adalah muktamad.
- 7.3. Naib Canselor boleh menurunkan kuasa dan mengarahkan JKP untuk mengubah atau meminda apa-apa undang-undang atau peraturan pemilihan dari semasa ke semasa.

## 8. Tafsiran

- 8.1. "Pemilih" bermaksud semua Profesor dan Profesor Madya Sepenuh Masa USM.
- 8.2. "Profesor dan Profesor Madya Sepenuh Masa" bermaksud staf akademik USM dalam kategori tetap dan kontrak dengan pelantikan yang diberi tidak kurang daripada satu tahun (tidak termasuk pelantikan tanpa gelaran Profesor/Profesor Madya atau kenaikan pangkat secara laluan kerjaya).
- 8.3. "Calon" bermaksud Profesor Sepenuh Masa dalam kategori tetap dan kontrak dengan pelantikan yang diberi tidak kurang daripada satu tahun (tidak termasuk pelantikan tanpa gelaran Profesor/Profesor Madya atau kenaikan pangkat secara laluan kerjaya).
- 8.4. "e-Undi Senat" bermaksud sistem Pemilihan Profesor sebagai Ahli Senat secara elektronik.

**9. Daftar Pemilih**

- 9.1. JKK adalah bertanggungjawab untuk menyediakan dan menyemak daftar pemilih untuk digunakan di dalam Pemilihan ini.

**10. Susunan Nama**

- 10.1. Nama pemilih di dalam daftar pemilih adalah diatur mengikut perkara 6 mengikut susunan abjad.

**11. Kelayakan Pemilih**

- 11.1. Setiap pemilih termasuk yang sedang cuti belajar/cuti tanpa gaji/cuti sabatikal/dipinjamkan ke agensi lain adalah layak untuk mengundi bagi Pemilihan ini.
- 11.2. Pemilih yang disabitkan atau mempunyai prosiding kes tatatertib tidak layak menjadi pemilih.

## BAHAGIAN 2: NOTIS MENGENAI PEMILIHAN

### 12. Notis

- 12.1. JKK hendaklah mengeluarkan notis Pemilihan.
- 12.2. Notis pemilihan hendaklah menyatakan:
  - 12.2.1. Tarikh dan Hari Pemberitahuan Bakal Calon
  - 12.2.2. Tarikh dan Hari Menarik Diri Bakal-bakal Calon
  - 12.2.3. Tarikh dan Hari Penyenaraian Calon yang rasmi
  - 12.2.4. Tarikh, Hari dan Masa Mengundi
- 12.3. Dalam peraturan ini, Hari Pemberitahuan adalah pada hari tarikh notis dikeluarkan.
- 12.4. **Hari Mengundi** hendaklah dijalankan tidak kurang daripada dua hari dari hari pemberitahuan (termasuk hari pemberitahuan dan hari cuti).



**BAHAGIAN 3: JUMLAH PERWAKILAN****13. Jumlah Perwakilan Yang Akan Dipertandingkan**

- 13.1. Mengikut Seksyen 24(i)(d); Profesor sepenuh masa yang jumlahnya hendaklah bersamaan dengan jumlah Dekan dan ketua di bawah perenggan (c), dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti mengikut subseksyen (12); Jumlah Kerusi Senat bagi Profesor adalah berdasarkan kerusi seperti di bawah:

Perwakilan	Jumlah Kerusi
1. Kerusi Pusat Pengajian, Institut dan Pusat /Pusat Kecemerlangan	
1.1. Pusat Pengajian	25
1. Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan	1
2. Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan	1
3. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan	1
4. Pusat Pengajian Kejuruteraan Aeroangkasa	-
5. Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam	1
6. Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral	1
7. Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik	1
8. Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia	1
9. Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanik	1
10. Pusat Pengajian Komunikasi	1
11. Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh	1
12. Pusat Pengajian Pengurusan	1
13. Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	1
14. Pusat Pengajian Sains Farmasi	1
15. Pusat Pengajian Sains Fizik	1
16. Pusat Pengajian Sains Kajihayat	1
17. Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan	1
18. Pusat Pengajian Sains Kesihatan	1
19. Pusat Pengajian Sains Kimia	1
20. Pusat Pengajian Sains Komputer	1
21. Pusat Pengajian Sains Matematik	1
22. Pusat Pengajian Sains Pergigian	1
23. Pusat Pengajian Sains Perubatan	1
24. Pusat Pengajian Seni	1
25. Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan	1
26. Pusat Pengajian Teknologi Industri	1
1.2. Institut	2
1. Institut Penyelidikan Perubatan Molekul (INFORMM)	
2. Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT)	
3. Institut Penyelidikan dan Teknologi Nano-Optoelektronik (INOR)	
4. Institut Penyelidikan dan Pendidikan Tinggi Negara (IPPTN)	
5. Institut Pengajian Siswazah (IPS)	

Perwakilan	Jumlah Kerusi
1.3. Pusat / Pusat Kecemerlangan	3
1. Pusat Biologi Kimia (CCB)	
2. Pusat IPv6 Termaju Negara (NAv6)	
3. Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS)	
4. Pusat Kajian Pengurusan dan Pembangunan Islam (ISDEV)	
5. Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMAC)	
6. Pusat Penyelidikan Arkeologi Global	
7. Pusat Penyelidikan Dadah Dan Ubat-Ubatan	
8. Pusat Penyelidikan Dasar dan Kajian Antarabangsa (CenPRIS)	
9. Pusat Penyelidikan Kejuruteraan Sungai dan Saliran Bandar (REDAC)	
10. Pusat Penyelidikan Pembangunan Wanita (KANITA)	
11. Pusat Rancangan Kokurikulum	
12. Pusat Teknologi Pengajaran dan Multimedia (PTPM)	
13. Pusat Usahasama Kecemerlangan Rekabentuk MikroElektronik (CEDEC)	
14. Pusat Racun Negara	
2. Kerusi Kampus	
2.1. Induk	9
2.2. Kejuruteraan	4
2.3. Kesihatan	4
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>

- 13.1.1. Setiap pemilih akan memilih untuk **Kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan** dan **Kerusi Kampus** seperti jumlah kerusi dalam jadual di atas.
- 13.1.2. Pencalonan dan pemilihan bagi Kerusi **Pusat Pengajian/Institut** (termasuk INFORMM Kampus Kesihatan) hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di Pusat Pengajian/Institut itu sahaja.
- 13.1.3. Pencalonan dan Pemilihan bagi Kerusi **Pusat Kecemerlangan Penyelidikan/Akademik** hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di Pusat Kecemerlangan/Akademik sahaja.
- 13.1.4. Pencalonan dan Pemilihan bagi kerusi **Kampus Induk** hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di Kampus Induk sahaja termasuk IPPT.
- 13.1.5. Pencalonan dan Pemilihan bagi kerusi untuk **Kampus Kejuruteraan** hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di Kampus Kejuruteraan sahaja.
- 13.1.6. Pencalonan dan Pemilihan bagi kerusi **Kampus Kesihatan** (termasuk INFORMM Kampus Kesihatan) hanya terbuka kepada pemilih berdaftar di Kampus Kesihatan sahaja.

## BAHAGIAN 4: PENCALONAN

### 14. Calon

- 14.1. Profesor sepenuh masa yang dilantik secara **tetap/kontrak** untuk tempoh minimum satu tahun adalah layak menjadi calon.
- 14.2. Profesor yang telah dilantik secara automatik (atas sebab penyandang jawatan) sebagai ahli Senat, tidak layak menjadi calon (Perkara 1.1(a), (b) dan (c))
- 14.3. Profesor yang disabitkan atau mempunyai prosiding kes tatatertib tidak layak menjadi calon.
- 14.4. Semua Profesor yang layak boleh bertanding untuk Kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan dan juga Kerusi Kampus.
- 14.5. Dalam keadaan di mana bilangan kerusi bagi pusat pengajian bersamaan dengan jumlah bilangan calon yang layak, maka calon tersebut menang secara automatik (menang tanpa bertanding bagi kerusi tersebut).
- 14.6. Profesor yang tarikh tamat kontrak atau jangka bersara dalam tempoh enam (6) bulan daripada tarikh pemilihan tidak layak menjadi calon.

## BAHAGIAN 5: KAEDAH PEMBERITAHUAN BAKAL CALON

### 15. Kaedah Pemberitahuan Calon

- 15.1. Semua calon yang layak seperti di perkara 14 akan disenarai mengikut susunan abjad nama calon
- 15.2. Nama calon-calon tersebut akan diumumkan pada Hari Pemberitahuan Bakal Calon.
- 15.3. Seseorang calon hanya dibenarkan menarik diri secara rasmi dari Pemilihan selewat-lewatnya jam 4.00 petang pada hari menarik diri. Penarikan diri selepas tarikh dan masa ini, tidak akan dilayan.
- 15.4. Dalam keadaan di mana terdapat kerusi-kerusi tidak dipenuhi (kosong), Naib Canselor akan menentukan wakil yang sesuai untuk menduduki Kerusi Senat.

## BAHAGIAN 6: PENGUNDIAN

### 16. Cara Mengundi

- 16.1. Semua Pemilih akan memilih untuk Kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan dan Kerusi Kampus.
- 16.2. Pemilihan yang diberikan kepada Pemilih untuk memilih seperti 16.1 dan jumlah kerusi-kerusinya adalah seperti di perkara 13.1.

### 17. Kaedah Mengundi

- 17.1. Kaedah mengundi akan menggunakan aplikasi sistem dalam talian (e-Undi Senat). Mengundi secara e-Undi maknanya ialah mengundi secara elektronik dalam talian.
- 17.2. Pemilihan cara ini diberi kepada pemilih yang:
  - 17.2.1. berada di dalam kampus semasa hari pemilihan.
  - 17.2.2. tidak berada di dalam kampus kerana bercuti atau urusan-urusan lain semasa hari pemilihan
- 17.3. Pemilih akan log masuk melalui **Campus Online** untuk mengundi.
- 17.4. Sistem akan memaparkan dua paparan untuk pemilihan iaitu Kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan (butang **Undi PTJ**) dan Kerusi Kampus (butang **Undi KAMPUS**).
- 17.5. Pilih calon yang tersenarai mengikut Kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan dan Kerusi Kampus dan bilangan mengikut kerusi yang telah ditetapkan.
- 17.6. Pemilih hendaklah menanda pada kotak yang disediakan mengikut bilangan calon yang telah ditetapkan. Jika ianya memerlukan 1 kerusi, maka 1 calon perlu dipilih. Begitu juga yang memerlukan 2, 3 dan 9 wakil.
- 17.7. Klik butang **UNDI** untuk memuktamadkan pengundian.
- 17.8. Pemilihan yang tidak mengikut arahan sebanyak 3 kali akan dikategorikan sebagai undi rosak dan pemilih tidak dibenarkan mengundi untuk kali ini.
- 17.9. Setiap pengundi layak memilih hanya sekali sahaja dan emel pemberitahuan akan dihantar kepada Pemilih yang telah memilih.

### 18. Penutupan Pemilihan

Sistem e-Undi akan ditutup tepat pada masa yang telah ditetapkan.

## BAHAGIAN 7: PROSES DAN KAEDAH MENGIRA UNDI

### 19. Pengiraan Undi

- 19.1. **Pusat Pengiraan Undi**  
Pengiraan undi bagi Pemilihan akan dijalankan sepertimana yang akan ditetapkan oleh JKK.
- 19.2. **Sistem Pengiraan Undi**  
Pengiraan akan dijalankan seperti mana yang ditetapkan oleh JKK.
- 19.3. **Kaedah Pengiraan**  
19.3.1. Pengiraan undi akan dijalankan oleh sistem e-Undi.  
19.3.2. Jawatankuasa Keutuhan Pengiraan e-Undi akan memantau proses pengiraan e-Undi.

### 20. Keputusan Pengiraan

- 20.1. Calon yang mendapat undi terbanyak akan diisytiharkan menang. Sekiranya Kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan dan Kerusi Kampus tersebut mempunyai lebih daripada satu kerusi, maka calon yang mendapat undi terbanyak mengikut ranking dan mengikut jumlah kerusi yang ditetapkan diisytiharkan menang (sebagai contoh Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan yang mempunyai 3 kerusi dan calon yang menduduki ranking 1 hingga 3 yang mendapat undi terbanyak akan diisytiharkan menang).
- 20.2. Setiap calon hanya boleh menduduki satu kerusi sahaja sama ada Kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan atau Kerusi Kampus.
- 20.3. Tetapi sekiranya terdapat calon yang memenangi 2 kerusi sama ada Kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan dan Kerusi kampus dan berdasarkan perkara 20.2, calon hanya akan kekal untuk menduduki Kerusi Pusat Pengajian/Institut/Pusat Kecemerlangan manakala untuk Kerusi Kampus akan dilepaskan kepada calon yang mendapat undi kedua tertinggi selepasnya.
- 20.4. Sekiranya ada calon yang mempunyai undi yang sama banyak, Naib Canselor akan menentukan kaedah memilih seorang daripada calon-calon tersebut.

### 21. Mengumumkan Keputusan Pemilihan

Dalam mengumumkan keputusan, JKP akan mengisytiharkan calon yang menang dan kelebihan undi yang diperolehi oleh pemenang berbanding dengan calon yang mendapat undi kedua banyak.

### 22. Am

Apa-apa perkara yang tidak dinyatakan di dalam tatacara ini hendaklah tidak menjejaskan keesahan tatacara ini dan sebarang perkara yang tidak termaktub di dalam tatacara ini akan dianggap sebagai perkara di bawah kuasa Naib Canselor.

00000000000000000000000000000000

Disediakan oleh Jawatankuasa Pemilihan.